

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABD SAMAD [SHAH ALAM]

TARIKH : 13 JULAI 2020 (ISNIN)

SOALAN

TUAN KHALID BIN ABD SAMAD [SHAH ALAM] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan berapa jumlah lesen perniagaan yang telah diluluskan dan dikeluarkan kepada penjaja kecil di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Shah Alam, berdasarkan rekod Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada 9 Julai 2020, jumlah lesen perniagaan yang berstatus aktif adalah sebanyak 97,862 lesen yang telah dikeluarkan kepada penjaja dan peniaga kecil serta syarikat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sekian, terima kasih.